

## GARIS PANDUAN PENGURUSAN MOU / MOA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

### 1.0 TUJUAN

Tujuan garis panduan ini disediakan adalah untuk menyediakan perkara-perkara yang perlu dipatuhi oleh PTj dalam menguruskan MoU / MoA yang akan ditandatangani dengan mana-mana pihak luar.

### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Memorandum Persefahaman (MoU) secara umumnya adalah suatu dokumen yang menjadi penghubung antara Universiti dengan pihak luar. Ia adalah suatu pernyataan persefahaman dan hasrat pihak-pihak untuk bekerjasama antara satu sama lain dalam bidang-bidang tertentu tanpa mewujudkan suatu hubungan perundangan sesama mereka. Pihak-pihak tidak terikat kepada apa-apa obligasi, tanggungan atau liabiliti secara perundangan.
- 2.2 Penyediaan MoU adalah persediaan awal untuk mengenal pasti antara lain cabang kerjasama atau kepentingan akademik / penyelidikan yang boleh dijalankan bersama. Ia juga adalah pernyataan hasrat pihak-pihak, dengan harapan bahawa suatu kontrak atau perjanjian tertentu boleh dimasuki bagi satu-satu perancangan yang lebih khusus.
- 2.3 MoU tidak merangkumi perancangan secara terperinci, tetapi boleh menjurus kepada bidang kerjasama yang mungkin dihasratkan bersama dan meletakkan asas bagi merangka pelan perancangan yang lebih khusus.
- 2.4 MoU bagaimanapun, tidak menyekat, menghalang atau mencegah Universiti daripada memasuki perjanjian yang sama dengan mana-mana pihak lain.
- 2.5 Perjanjian (MoA) pula boleh dimasuki apabila pihak-pihak bersetuju untuk mewujudkan suatu perhubungan perundangan sesama mereka dan berdasarkan kepada balasan atau beberapa janji yang dibuat oleh pihak yang satu lagi. Pihak-pihak adalah terikat kepada tanggungjawab-tanggungjawab, obligasi-obligasi dan liabiliti-liabiliti yang telah dipersetujui secara bersama.
- 2.6 MoA juga boleh bertujuan untuk melaksanakan kerjasama yang telah dinyatakan melalui MoU dan pihak-pihak bersetuju untuk mematuhi semua peruntukan yang dinyatakan dalam MOA dan juga bersetuju untuk mengikat diri masing-masing dari segi undang-undang.

### 3.0 PERTIMBANGAN PROPOSAL MOU/MOA

- 3.1 Mana-mana pusat tanggungjawab (PTj) yang berhasrat untuk menandatangani satu-satu memorandum persefahaman atau perjanjian dengan mana-mana institusi luar boleh mengadakan perbincangan terperinci dengan institusi tersebut.
- 3.2 Antara perkara yang perlu dititik beratkan dan boleh dipertimbangkan oleh PTj dalam perbincangan tersebut termasuklah, tetapi tidak terhad kepada –

#### 3.2.1 Pihak-pihak dalam MoU/MoA

- i. PTj perlu memastikan pihak luar yang akan menandatangani MoU/MoA dengan Universiti adalah pihak yang mempunyai kapasiti undang-undang bagi memasuki satu-satu MoU/MoA -

Status:

- Jika sebuah syarikat : Nyatakan nombor pendaftaran syarikat dan alamat berdaftar / perniagaan syarikat tersebut
  - Jika persatuan / pertubuhan : Nyatakan nombor pendaftaran persatuan / pertubuhan dan alamat berdaftar persatuan / pertubuhan tersebut
  - Jika sebuah badan berkanun : Nyatakan Akta yang di bawahnya badan berkanun tersebut telah ditubuhkan
  - Jika Kerajaan Malaysia (Kerajaan Persekutuan / Negeri) : Nyatakan nama kementerian atau agensi berkaitan
- ii. PTj hendaklah memastikan dan/atau menjalankan pemeriksaan sewajarnya (*conduct a due diligence study*) ke atas syarikat-syarikat dan persatuan sebelum memutuskan bersetuju menjalankan kerjasama dengan mereka.
- iii. PTj yang berhasrat menjemput mana-mana PTj lain untuk menjalankan kolaborasi bersama di bawah satu MoU/MoA, boleh berbuat demikian dengan mengadakan perbincangan bersama secara tiga hala.

#### 3.2.2 Tujuan atau objektif pihak-pihak

Hendaklah mencerminkan niat pihak-pihak memasuki MoU/MoA tersebut.

### 3.2.3 Bidang / skop kerjasama

- i. Bidang / skop kerjasama hendaklah -
  - ✓ dibenarkan di bawah undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan dasar Universiti, negeri atau negara yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
  - ✓ perlu realistik dan boleh dicapai; dan
  - ✓ tidak merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan Universiti dan negara.
- ii. Bagi MoU, skop kerjasama adalah lebih menyeluruh dan berbentuk umum, contoh-

*"1.1 Pihak-pihak bersetuju untuk menjalinkan kerjasama seperti berikut:*

- a) *Nyatakan bentuk kerjasama. Contohnya : Pertukaran jangka pendek tenaga pengajar, pensyarah, mahasiswa dan pelajar untuk tujuan pendidikan dan pembelajaran dari semasa ke semasa atas persetujuan kedua-dua belah pihak;*
- b) *.....*
- c) *.....*
- d) *Lain-lain bentuk kerjasama lain yang dipersetujui oleh pihak-pihak dari semasa ke semasa.*

*1.2 Pihak-pihak bersetuju untuk mengadakan perbincangan lanjut tentang kerjasama yang dinyatakan dalam fasal 1.1 di atas memperjelaskan lagi butirannya dalam bentuk yang lebih terperinci dengan persetujuan bersama.*

*1.3 Dalam keadaan pihak-pihak bersetuju, mereka boleh memasuki perjanjian yang berasingan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang dipersetujui bersama."*

### 3.2.4 Obligasi / tanggungjawab pihak-pihak

- i. PTj perlu mengenalpasti semua obligasi/tanggungjawab PTj/Universiti serta institusi luar yang akan memasuki Perjanjian dengan Universiti.
- ii. Obligasi atau tanggungjawab semua pihak yang terlibat perlu dinyatakan satu-persatu secara jelas dalam MoA.
- iii. Ia juga hendaklah munasabah dan realistik berdasarkan ruang lingkup kuasa yang ada.

### 3.2.5 Tempoh MoU/MoA

- i. Tarikh berkuatkuasanya dan tarikh tamat MoU / MoA bergantung kepada bentuk kerjasama / program yang akan dijalankan.
- ii. Pembaharuan Perjanjian secara automatik tidak digalakkan.
- iii. Sebarang cadangan lanjutan tempoh MoU/MoA hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) terlebih dahulu.

### 3.2.6 Hal Ehwal Kewangan

- i. Bagi MoU, PTj perlu memastikan bahawa ia tidak menerima atau menanggung apa-apa obligasi kewangan atau liabiliti sama ada secara utama atau tanggungan (*primary or vicarious liability*).
- ii. Sebaliknya bagi perbincangan melibatkan satu-satu MoA, kos dan perbelanjaan bagi melaksanakan perjanjian serta kaedah dan tempoh pembayaran perlu diperincikan.

3.3 PTj setelah mengenal pasti butiran kerjasama yang hendak dijalankan hendaklah menyediakan cadangan kolaborasi (*proposal*) menggunakan format yang disediakan di **Lampiran 1**.

3.4 Cadangan kolaborasi tersebut hendaklah dihantar kepada Bahagian Perundangan bagi tujuan semakan, sebelum dipanjangkan (oleh Bahagian Perundangan) untuk perakuan/kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU).

3.5 Setelah memperolehi perakuan/kelulusan daripada JKPU, PTj (atau PTj-PTj) yang terlibat hendaklah memasukkan semua butir-butir kerjasama yang hendak dijalankan ke dalam 'Collaboration Management System' dalam MyUPSI Portal.

## 4.0 SEMAKAN / PENYEDIAAN DERAH OLEH BAHAGIAN PERUNDANGAN (BPU)

4.1 BPU setelah menerima memo *online* (di dalam Myupsi Portal) dan/atau salinan cadangan kolaborasi (*proposal*) mengadakan kerjasama dengan mana-mana institusi bersama-sama minit kelulusan JKPU dan deraf MoU / MoA (jika ada) daripada PTj, akan menyemak dan/atau menyediakan deraf MoU / MoA berkenaan.

4.2 BPU akan mengemukakan sebarang cadangan pindaan/tambahan/pembetulan, jika ada dan tindakan perlu diambil oleh PTj berdasarkan cadangan tersebut.

4.3 Semua deraf MoA dan MoU dengan agensi/institusi luar negara yang telah siap disemak atau disediakan oleh BPU akan diangkat untuk kelulusan LPU sebelum disahkan (*verify*) di dalam sistem 'Collaboration' dalam MyUPSI Portal. Salinan *hardcopy* akan dikembalikan kepada PTj (jika ada) untuk berhubung dengan Bahagian Komunikasi Korporat bagi proses menandatangani MoU/MoA tersebut.

Contoh MoU mengikut format daripada Kementerian Pengajian Tinggi dilampirkan sebagai **Lampiran 2**.

- 4.4 Manakala kelulusan menandatangani MoU dengan agensi/institusi dalam negara telah diturunkan kuasa oleh LPU kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) sahaja.

## **5.0 PROSES PEMETERAIAN MOU/MOA**

- 5.1 PTj hendaklah memasukkan rekod ke dalam sistem '*Collaboration*' dalam MyUPSI Portal sebelum mengemukakan kepada Bahagian Komunikasi Korporat salinan *hardcopy* deraf MoU/MoA yang telah sedia untuk ditandatangani.
- 5.2 Melainkan MoU/MoA yang melibatkan lebih daripada 2 pihak, PTj hendaklah menyediakan dua (2) salinan asal MoU/MoA untuk ditandatangani.
- 5.3 Manakala bagi MoU/MoA yang melibatkan lebih daripada 2 pihak, bilangan salinan MoU/MoA adalah mengikut bilangan pihak-pihak yang akan menandatangani MoU/MoA tersebut.
- 5.4 Semua perjanjian atau MoA hendaklah dimatikan setem dan kewajipan mematikan setem adalah bergantung kepada terma di dalam perjanjian.
- 5.5 Setelah MoU/MoA ditandatangani dan/atau dimatikan setem, PTj hendaklah membuat satu (1) salinan fotokopi MoU/MoA tersebut bagi tujuan pelaksanaan aktiviti dan rujukan oleh PTj sendiri serta mengemukakan satu (1) salinan ke Bahagian Perundangan untuk tujuan rekod.
- 5.6 Dokumen asal MoU/MoA hendaklah dihantar ke Bahagian Komunikasi Korporat untuk rekod Universiti.
- 5.7 PTj hendaklah memastikan semua aktiviti yang hendak dijalankan di bawah MoU/MoA tersebut adalah mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang telah dipersetujui.
- 5.8 Semua aktiviti yang telah dijalankan hendaklah direkodkan ke dalam sistem '*Collaboration*' dalam MyUPSI Portal dalam tempoh 7 hari selepas aktiviti tersebut disempurnakan bagi tujuan pemantauan oleh Bahagian Komunikasi Korporat.

## **6.0 PENUTUP**

Garis Panduan ini diharap dapat membantu semua PTj dalam memastikan pengurusan MoU/MoA ini lebih teratur dan kemas serta membantu Universiti dalam memantau jalinan kerjasama yang dijalankan dengan mana-mana pihak luar.

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI (JKPU)  
~ CADANGAN KOLABORASI ~**

---

**JENIS DOKUMEN: PERJANJIAN (MOA )**

| <b>DIISI OLEH PTj -</b>                                 |   |                                 |
|---------------------------------------------------------|---|---------------------------------|
| <b>* PTj berkaitan</b>                                  | : |                                 |
| <b>* Organisasi luar yang berkenaan</b>                 | : |                                 |
| <b>*Objektif</b>                                        | : | (a)<br>(b)<br>(c)<br>(d)<br>(e) |
| <b>*Tanggungjawab UPSI</b>                              | : | (a)<br>(b)<br>(c)<br>(d)<br>(e) |
| <b>*Tanggungjawab organisasi luar yang berkenaan</b>    | : | (a)<br>(b)<br>(c)<br>(d)        |
| <b>*Matlamat Kolaborasi yang ingin dicapai oleh PTj</b> | : |                                 |
| <b>*Faedah kolaborasi kepada Universiti</b>             | : |                                 |
| <b>*Tempoh perjanjian</b>                               | : |                                 |
| <b>*Hal ehwal kewangan</b>                              | : |                                 |
| <b>i. Bayaran oleh UPSI</b>                             | : |                                 |
| <b>ii. Bayaran oleh organisasi luar yang berkenaan</b>  | : |                                 |

|      |                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |  |                          |  |                                                    |  |                           |
|------|----------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|--------------------------|--|----------------------------------------------------|--|---------------------------|
| iii. | <b>Tanggungjawab bayaran duti setem</b>            | : Sila tandakan (/) pada petak yang berkenaan:<br><table border="1" data-bbox="537 260 1180 365"> <tr> <td data-bbox="537 260 630 296"></td> <td data-bbox="630 260 1180 296"><i>dibayar oleh UPSI</i></td> </tr> <tr> <td data-bbox="537 296 630 331"></td> <td data-bbox="630 296 1180 331"><i>Dibayar oleh organisasi luar yang berkenaan</i></td> </tr> <tr> <td data-bbox="537 331 630 365"></td> <td data-bbox="630 331 1180 365"><i>Ditanggung bersama</i></td> </tr> </table> |  | <i>dibayar oleh UPSI</i> |  | <i>Dibayar oleh organisasi luar yang berkenaan</i> |  | <i>Ditanggung bersama</i> |
|      | <i>dibayar oleh UPSI</i>                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |  |                          |  |                                                    |  |                           |
|      | <i>Dibayar oleh organisasi luar yang berkenaan</i> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |  |                          |  |                                                    |  |                           |
|      | <i>Ditanggung bersama</i>                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |  |                          |  |                                                    |  |                           |
| iv.  | <b>Lain – lain (jika ada)</b>                      | : * termasuk perbelanjaan bagi pengendalian majlis menandatangani MOA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |  |                          |  |                                                    |  |                           |

**DIISI OLEH BAHAGIAN PERUNDANGAN –**

**Ulasan Perundangan :**

**\*\*Perakuan ini adalah berdasarkan semakan dari segi perundangan sahaja dan adalah tertakluk kepada persetujuan Naib Canselor / LPU sebagai kuasa melulus**

Tarikh diterima (daripada PTj) :

Tarikh dikemukakan (kepada urusetia JKPU) :

Tarikh kelulusan JKPU :

Sila ambil perhatian :-

1. Kertas cadangan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perundangan selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja sebelum JKPU bersidang.
2. Dokumen yang lewat dikemukakan akan dibawa ke JKPU yang berikutnya (untuk pertimbangan) atau yang tidak lengkap akan dikembalikan semula kepada PTj berkenaan untuk pindaan/pembetulan terlebih dahulu.
3. Medan yang bertanda (\*) adalah wajib diisi oleh PTj.

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI (JKPU)  
~ CADANGAN KOLABORASI ~**

---

**JENIS DOKUMEN : MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU ) / SURAT NIAT (*LETTER OF INTENT*)**

| <b>UNTUK DIISI OLEH PTj -</b>                                            |   |                                                                            |
|--------------------------------------------------------------------------|---|----------------------------------------------------------------------------|
| <b>*PTj berkaitan</b>                                                    | : |                                                                            |
| <b>*Organisasi luar yang berkenaan</b>                                   | : |                                                                            |
| <b>*Objektif</b>                                                         | : | (a)<br>(b)<br>(c)<br>(d)<br>(e)                                            |
| <b>*Skop kerjasama</b>                                                   | : | (a)<br>(b)<br>(c)<br>(d)<br>(e)                                            |
| <b>*Matlamat kolaborasi yang ingin dicapai oleh PTj</b>                  | : |                                                                            |
| <b>*Faedah kolaborasi kepada Universiti</b>                              | : |                                                                            |
| <b>*Tempoh ikatan</b>                                                    | : |                                                                            |
| <b>*Hal ehwal kewangan</b>                                               | : | <i>* termasuk perbelanjaan bagi pengendalian majlis menandatangani MOU</i> |
| <b>UNTUK DIISI OLEH PTJ JIKA MELIBATKAN CADANGAN MEMPERBAHARUI MOU –</b> |   |                                                                            |
| <b>Aktiviti yang telah dijalankan</b>                                    | : | (a)<br>(b)<br>(c)<br>(d)<br>(e)                                            |



|                                  |   |                   |
|----------------------------------|---|-------------------|
| Justifikasi<br>memperbaharui MOU | : | (a)<br>(b)<br>(c) |
|----------------------------------|---|-------------------|

**UNTUK DIISI OLEH BAHAGIAN PERUNDANGAN –**

Ulasan Perundangan :

***\*\*Perakuan ini adalah berdasarkan semakan dari segi perundangan sahaja dan adalah tertakluk kepada persetujuan Naib Canselor / LPU sebagai kuasa melulus.***

Tarikh diterima (daripada PTj) :

Tarikh dikemukakan (kepada urusetia JKPU) :

Tarikh kelulusan JKPU :

Sila ambil perhatian :-

1. Kertas cadangan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perundangan selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja sebelum JKPU bersidang.
2. Dokumen yang lewat dikemukakan akan dibawa ke JKPU yang berikutnya (untuk pertimbangan) atau yang tidak lengkap akan dikembalikan semula kepada PTj berkenaan untuk pindaan/pembetulan terlebih dahulu.
3. Medan yang bertanda (\*) adalah wajib diisi oleh PTj.

**KERTAS KERJA**  
**HASRAT UNTUK MENGGOMERSIAL HASIL PENYELIDIKAN MELALUI PERLESENAN PATENT KEPADA PUSAT RAWATAN ISLAM AZ-ZAHRAH SDN. BHD DAN MENGADAKAN MAJLIS MENANDATANGANI MoA**

**1.0. TUJUAN**

Tujuan kertas kerja ini ialah untuk memohon kelulusan pihak Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) (MPE) Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan *Halal Collagen and Hydroxyapatite from Fish Scales* melalui kaedah perlesenan paten (*Patent Licensing*) kepada Pusat Rawatan Islam Az-Zahrah Sdn Bhd dan meluluskan majlis menandatangani perjanjian kerjasama (MoA) antara UPSI dan Pusat Rawatan Islam Az-Zahrah Sdn Bhd.

**2.0. LATAR BELAKANG**

Kumpulan penyelidikan yang diketuai oleh PM Dr Ismail Zainol telah berjaya membangunkan teknologi untuk menghasilkan kolagen dan hidroksiapatit daripada sisik ikan. Teknologi ini telah didaftarkan harta intelek melalui RMIC, UPSI di bawah patent *Method for Preparing Biomaterials from Fish Scales*, PI No: 2011004318. Dalam inovasi ini, satu kaedah baru telah dibangunkan untuk mengekstrak sisik ikan kepada bahan kolagen dan hidroksiapatit (HAp). Inovasi yang telah dipatenkan ini adalah mudah dan murah tanpa menggunakan bahan kimia dan enzim. Teknologi ini berjaya menghasilkan 40 hingga 60% kolagen dan HAp dari sisik ikan yang sama. Kolagen dan HAp yang dihasilkan adalah HALAL dan mempunyai ciri-ciri yang setanding dengan produk komersial yang diimport. Produk kolagen dan HAp yang dihasilkan dijangka dapat memenuhi permintaan tempatan dan antarabangsa. Bahan yang dihasilkan ini boleh digunakan dalam bidang kosmetik, farmasi, bio-perubatan dan kejuruteraan tisu.

Melalui penyertaan kumpulan penyelidikan ini dalam satu pertandingan inovasi (ITEX 2012, Kuala Lumpur), pihak Pusat Rawatan Islam Az-Zahrah Sdn Bhd (Az-Zahrah), telah menunjukkan minat untuk membangun produk tersebut. Beberapa siri perbincangan telah diadakan dan pihak Az-Zahrah secara rasminya menyerahkan surat *Letter of Intention (LOI)* kepada pihak UPSI untuk memiliki teknologi tersebut melalui kaedah *Patent Licensing*.

Hasil perbincangan bersama di antara penyelidik UPSI dan pihak pengurusan Az-Zahrah, maka beberapa perkara dan syarat telah dipersetujui bersama. Pihak Az-Zahrah memohon untuk mandapatkan hak *exclusive licensing* bagi mengkomersialkan produk daripada teknologi tersebut. Oleh itu satu perjanjian kerjasama (MoA) telah disiapkan oleh pihak perundangan UPSI dan Az-Zahrah dan satu majlis menandatangani MoA perlu diadakan bagi merealisasikan hasrat ini.

**3.0 Latarbelakang Pusat Rawatan Islam Az-Zahrah Sdn Bhd**

Medi Circle Sdn Bhd merupakan syarikat milik Bumiputera yang telah mula beroperasi sejak Mac 1997. Syarikat ini telah ditubuhkan bagi menawarkan khidmat perubatan kepada masyarakat. Sebagai menjayakan tujuan tersebut, Medi Circle telah membina Pusat Rawatan Islam Az-Zahrah (AZIM) yang bertempat di Bandar Baru Bangi pada Oktober 1997.

Pusat Rawatan Islam Az-Zahrah telah memulakan operasinya dengan menawarkan perkhidmatan perubatan dengan mengutamakan kepuasan pelanggan dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan motto “Dengan Keprihatinan, Kami Merawat dan Mendidik Pesakit Kami”.

Dengan kombinasi pakar-pakar perubatan dan pengurusan yang profesional, ia telah menjadikan Pusat Rawatan Islam Az-Zahrah semakin membangun dan membantu dalam kebajikan sosial. Pusat Rawatan Islam Az-Zahrah juga telah berjaya memperluaskan kepakaran mereka dengan menawarkan lebih banyak perkhidmatan perubatan bagi membantu menangani isu pertumbuhan penduduk masa kini.

Justeru itu, Pusat Rawatan Islam Az-Zahrah telah melebarkan lagi perkhidmatan yang ditawarkan dengan menyediakan kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang perubatan.

Dengan adanya kepelbagaian perkhidmatan yang ditawarkan, Pusat Rawatan Islam Az-Zahrah berhasrat ia dapat mengukuhkan lagi syarikat ini seterusnya membuka lebih banyak peluang kepada industri berasaskan bidang perubatan.

#### 4.0 SYARAT UMUM MoA

- i. Harta intelek *Method for Preparing Biomaterials from Fish Scales*, PI No: 2011004318 masih dipunyai oleh UPSI selepas perjanjian MoA melalui kaedah *Patent Licensing*.
- ii. Pihak UPSI bebas melakukan penambahbaikan kepada hasil penyelidikan patent tersebut dan ini tidak termasuk di dalam perjanjian MoA tersebut.

#### 5.0 PERANAN PIHAK YANG TERLIBAT

##### A) Peranan UPSI:

- i. Pihak UPSI menawarkan harta intelek *Method for Preparing Biomaterials from Fish Scales*, PI No: 2011004318 untuk dilesenkan secara eksklusif (*exclusive licensing*) kepada pihak Azzahrah untuk dikomersilkan tanpa pihak UPSI kehilangan hak ke atas patent tersebut.
- ii. Memberikan khidmat rundingan dan bantuan teknikal kepada Az-zahrah sehingga berjaya menskala besarkan (*skill-up process*) pengeluaran kolagen daripada sisik ikan sehingga kapasiti sekurangnya 200 kg per produksi.
- iii. Membekalkan maklumat teknikal proses kimia dan *technical know-how* dalam penghasilan bahan kolagen.
- iv. Memastikan kualiti kolagen yang dihasilkan menepati spesifikasi yang telah ditetapkan.
- v. Memantau proses penghasilan produk kolagen yang dilakukan oleh Az-zahrah.

##### B) Peranan Az-Zahrah:

- i. Pihak Az-Zahrah bertanggungjawab untuk mengomersilkan bahan kolagen dan hidroksiapatit hasil daripada teknologi harta intelek *Method for Preparing Biomaterials from Fish Scales*, PI No: 2011004318 secepat mungkin setelah menandatangani MoA.

- ii. Menyediakan prasarana dan modal untuk membangunkan teknologi ini sehingga berjaya mengeluarkan kolagen pada skala 200 kg per produksi dalam tempoh satu tahun.
- ii. Memasarkan bahan kolagen kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan antarabangsa.
- iii. Menjaga kerahsiaan harta intelek yang disewa sebaiknya daripada pihak luar.

Pihak Az-zahrah berhasrat untuk membeli paten tersebut pada masa hadapan dengan harga yang berpatutan.

## 6.0 TEMPOH KERJASAMA

5 tahun

## 7.0 PEMBAYARAN PENDAHULUAN, PERUNDINGAN DAN ROYALTI

- a) Jumlah pembayaran untuk perlesenan paten yang perlu dibayar oleh Az-zahrah kepada pihak UPSI adalah **Ringgit Malaysia: [REDACTED] (RM [REDACTED])**.
- b) Pembayaran perundingan yang perlu dibayar oleh Az-zahrah kepada pihak UPSI adalah **Ringgit Malaysia: [REDACTED] (RM [REDACTED])**.
- c) Royalti setiap tahun yang perlu dibayar oleh Az-zahrah kepada pihak UPSI adalah **7%** setahun.

Pembayaran pendahuluan akan dibuat berdasarkan kemajuan pemindahan teknologi kepada syarikat Az-zahrah seperti berikut;

| Peringkat     | Penanda Aras                                                                                                     | Nilai bayaran (RM) |
|---------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|
| 1             | Setelah menandatangani perjanjian MoA                                                                            | xxx,000            |
| 2             | Setelah selesai pengeluaran pada skala 60 kg per produksi                                                        | xxx,000            |
| 3             | Setelah berjaya dalam skill up sepenuhnya kepada 200 kg per produksi                                             | xxx,000            |
| <b>JUMLAH</b> |                                                                                                                  | <b>xxx,000</b>     |
| 1             | Pembayaran perundingan setelah semua proses pemindahan teknologi selesai dan produk kolagen memenuhi spesifikasi | xx,000             |
| <b>TOTAL</b>  |                                                                                                                  | <b>xxx,000</b>     |

## 8.0 TENTATIF PERANCANGAN AKTIVITI

|             |                                                                                                               |
|-------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 26 Jun 2013 | Majlis menandatangani memorandum perjanjian MoA bersama pihak UPSI dan Pusat Rawatan Islam Az-Zahrah Sdn Bhd. |
| 27 Jun 2013 | Kerja perundingan dan pengkomersilan bermula.                                                                 |
| 26 Jun 2014 | Kerja perundingan dan proses <i>skill-up production</i> tamat.                                                |

## 9.0 PENUTUP

Adalah menjadi harapan agar projek ini dipersetujui untuk dilaksanakan secepat mungkin. Dengan pengurusan yang teratur dan strategik, insyaAllah projek ini akan memberi pulangan yang menguntungkan kepada pihak UPSI.

Disediakan oleh:

PM Dr. Ismail Bin Zainol  
Timbalan Pengarah RMIC,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris.

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN** ini dibuat pada .....haribulan .....tahun 2014.

**Antara**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**, sebuah institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang beralamat di Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia (**selepas ini disebut UPSI**) sebagai pihak pertama ;

dan

**XXXX**, yang beralamat di (**selepas ini disebut sebagai XXXX**) sebagai pihak kedua;

**UPSI** dan **XXXX** selepas ini akan dirujuk secara individu sebagai "pihak" dan secara bersama sebagai "Pihak-pihak"

**BAHAWASANYA:-**

- A. UPSI adalah sebuah Universiti yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan dan memperkukuhkan pengajaran, pembelajaran dan kemampuan penyelidikannya dan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan reputasi dan melengkapkan keunggulan dengan menjalin pelbagai kerjasama dengan pihak lain.
- B. XXX adalah (sila isikan sedikit latar belakang mengenai XXXX)
- C. Kedua-dua pihak berhasrat untuk memasuki Memorandum ini bagi mewujudkan dan meningkatkan hubungan kerjasama, tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma yang terkandung di dalam Memorandum ini.

**FASAL 1**

**TUJUAN**

Pihak-Pihak, tertakluk kepada terma Memorandum Persefahaman ini dan undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan dasar negara yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa bersetuju untuk memperkukuh, menggalakkan dan membangunkan kerjasama bersama dalam hak asasi manusia melibatkan bidang pendidikan, penyelidikan dan khidmat masyarakat antara kedua-dua atas dasar kesamarataan dan faedah bersama.

**FASAL 2**

**SKOP KERJASAMA**

- 2.1 Pihak-pihak bersetuju untuk menjalankan kerjasama di dalam bidang-bidang seperti berikut:
- a)
  - b)
  - c)
  - d)
- 2.2 Pihak-pihak bersetuju untuk mengadakan perbincangan lanjut tentang kerjasama yang dinyatakan dalam fasal 2.1 di atas bagi memperjelaskan lagi butirannya dalam bentuk yang lebih terperinci dengan persetujuan bersama.
- 2.3 Dalam keadaan pihak-pihak bersetuju, mereka boleh memasuki perjanjian yang berasingan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang dipersetujui bersama.

**FASAL III**  
**PERKIRAAN KEWANGAN**

- 3.1 Tiada apa-apa di dalam Memorandum ini yang akan menimbulkan sebarang obligasi kewangan kepada mana-mana pihak.
- 3.2 Pihak-pihak akan menanggung kos dan perbelanjaan masing-masing dalam pelaksanaan Memorandum ini.

**FASAL IV**  
**TIDAK MENGIKAT**

Memorandum ini hendaklah disifatkan semata-mata sebagai pernyataan hasrat kedua-dua pihak untuk mengadakan hubungan kerjasama. Tiada apa-apapun di dalam Memorandum ini yang boleh disifatkan sebagai mewujudkan apa-apa tanggungan di sisi undang-undang di antara pihak-pihak.

**FASAL V**  
**PERKONGSIAN/AGEN**

Tiada apa-apa yang termaktub dalam Memorandum ini boleh ditafsirkan sebagai menubuhkan suatu perkongsian bersama atau mana-mana bentuk organisasi perniagaan berdaftar di antara kedua-dua pihak atau melantik salah satu pihak sebagai agen pihak yang satu lagi.

**FASAL VI**  
**TEMPOH DAN PENAMATAN**

- 6.1 Memorandum ini hendaklah berkuatkuasa untuk tempoh XXX (XXX) tahun daripada tarikh ditandatangani kecuali ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan memberikan XXX (XXX) hari/bulan notis bertulis.
- 6.2 Memorandum ini boleh dilanjutkan bagi suatu tempoh selanjutnya atas persetujuan bertulis kedua-dua pihak.



**FASAL VII**  
**PERUBAHAN DAN PINDAAN**

Tiada sebarang perubahan dan pindaan yang boleh dibenarkan terhadap Memorandum ini melainkan dibuat secara bertulis dan dipersetujui bersama oleh pihak-pihak.

**FASAL VIII**  
**PENGGANTUNGAN**

Setiap Pihak berhak, atas sebab keselamatan negara, kepentingan negara, ketenteraman atau kesihatan awam, untuk menggantung secara sementara, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini yang penggantungannya hendaklah berkuat kuasa sebaik selepas pemberitahuan diberikan kepada Pihak yang satu lagi melalui saluran diplomatik

**FASAL IX**  
**PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

Apa-apa perbezaan atau pertikaian antara Pihak-Pihak berkenaan pentafsiran dan/atau pelaksanaan dan/atau pemakaian mana-mana peruntukan Memorandum Persefahaman ini hendaklah diselesaikan melalui rundingan atau perbincangan di antara kedua-dua pihak.

**FASAL X**  
**NOTIS**

Apa-apa notis yang hendak diberi oleh satu pihak kepada pihak yang satu lagi hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar melalui pos berdaftar, atau faksimili atau emel ke alamat berikut:

**Bagi UPSI** :  
Alamat :  
:  
Untuk Perhatian :  
No. Tel :  
No. Faks :  
Emel :

Bagi XXX :  
Alamat :  
:  
Untuk Perhatian :  
No. Tel :  
No. Faks :  
Emel :



CONTOH

*~ ruangan ini sengaja dibiarkan kosong ~*

**PADA MENYAKSIKAN HAL YANG TERSEBUT DI ATAS**, yang bertandatangan di bawah yang telah diberi kuasa sewajarnya oleh Institusi masing-masing, telah menandatangani Memorandum Persefahaman ini.

Ditandatangani  
untuk dan bagi pihak  
**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Ditandatangani  
untuk dan bagi pihak  
**XXXX**

.....  
**XXXX**  
Naib Canselor

.....  
**XXXX**  
Ketua Pengarah

Disaksikan oleh

Disaksikan oleh

.....  
**XXXX**  
Pendaftar

.....  
**XXXX**

